



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KENYATAAN AKHBAR

ISU MADU CAPILANO DIDAKWA TOKSIK DAN BERACUN

Kementerian Kesihatan mengambil maklum isu yang diviralkan melalui media sosial berhubung laporan yang disiarkan melalui laman web <https://kangarocourtofaustralia.com/2016/09/17/australias-capilano-honey-admit-selling-toxic-and-poisonous-honey-to-consumers/> kebelakangan ini. Laporan tersebut mendakwa bahawa madu Capilano adalah toksik dan beracun serta diperbuat daripada campuran madu yang diimport daripada Negara China, Mexico, Argentina, Hungary dan Brazil.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan telah mendapat penjelasan daripada pihak Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia yang memberi jaminan bahawa semua madu yang dieksport dari Australia adalah selamat. Mengikutnya semua madu yang dihasilkan di Australia dan yang diimport ke Australia adalah tertakluk kepada ujian pemantauan untuk memastikan ia mematuhi *Australia New Zealand Food Standards Code*.

Selain dari itu, Kementerian Kesihatan sejak 1 Disember 2006 telah mengenakan syarat untuk semua madu yang yang diimport ke Malaysia

disertakan dengan sijil kesihatan dari pihak berkuasa negara pengekspor yang mengesahkan keselamatan madu tersebut. Pada masa yang sama, hasil pemantauan Kementerian Kesihatan ke atas madu Capilano mendapati ia mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan - Peraturan Makanan 1985.

Kementerian Kesihatan sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) <http://fsq.moh.gov.my> atau *facebook* BKKM www.facebook.com/bkkmhq.

Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
26 September 2016